

H0272101 WA1323150383 04/04/2023 09:18:05

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYSIA DI KUALA LUMPUR

TSP006.....16.00 x 1

Jumlah RM*****16.00*****16.00

DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

GUAMAN NO.: WA-23CY-5-03/2023

ANTARA

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

... PLAINTIF

DAN

YB DATUK HAJI AWANG SOLAHUDDIN BIN HASHIM

... DEFENDAN

PERNYATAAN PEMBELAAN

1. Perenggan 1 Pernyataan Tuntutan adalah diakui setakat pengataan bahawa Plaintiff setakat tarikh pemfailan Pernyataan Pembelaan ini adalah Perdana Menteri Malaysia ke-10, Menteri Kewangan, Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Penggerusi Pakatan Harapan (PH) dan Ahli Parlimen P. 063 Tambun.

2. Perenggan 2 Pernyataan Tuntutan adalah diakui.

BAHAGIAN A: LATARBELAKANG FAKTA RELEVAN

A1. Latarbelakang Perlantikan Plaintiff Sebagai Perdana Menteri ke-10

3. Merujuk kepada Perenggan 1 Pernyataan Tuntutan khususnya tentang jawatan Plaintiff sebagai Perdana Menteri ke-10, Defendan ingin menegaskan bahawa proses pra-perlantikan Plaintiff sebagai Perdana Menteri ke-10 adalah penuh dengan kontroversi dan helah.



S/N WxWnNfrjEkyoEturCTKAq

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

4. Defendan selanjutnya mengungkapkan kembali di sini kronologi proses pra-perlantikan Plaintiff sebagai Perdana Menteri ke-10 seperti berikut:-

4.1. Pilihanraya Umum ke-15 (“**PRU15**”) telah diadakan pada 19 November 2022. Keputusan rasmi PRU15 telah diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (“**SPR**”) pada hari yang sama, yang menyaksikan Perikatan Nasional (“**PN**”) memenangi 77 kerusi (termasuk 4 kerusi BERSATU yang ditandingi melalui logo Gabungan Rakyat Sabah (“**GRS**”) di Sabah), Pakatan Harapan (“**PH**”) memenangi 82 kerusi dan Barisan Nasional (“**BN**”) memenangi 30 kerusi.

20 November 2022

4.2. Melalui pengumuman oleh Pengurus SPR, Tan Sri Abdul Ghani Salleh pada atau kira-kira pada jam 4.30 pagi, 20 November 2022, tiada mana-mana parti yang berjaya memperoleh 50% daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan atau majoriti mudah. Oleh yang demikian, kerajaan persekutuan masih belum dapat dibentuk ketika itu.

4.3. Melalui satu kenyataan media oleh Istana Negara pada 20 November 2022, Istana Negara telah mengumumkan seperti berikut:-

4.3.1. Istana Negara telah menerima keputusan rasmi PRU15 daripada SPR pada jam 1.15 tengah hari 20 November 2022;



S/N WxWnNfrjjEKyoEturCTKAg

2

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

4.3.2. Dokumen daripada SPR jelas menyatakan bahawa tiada parti politik berjaya memperoleh majoriti mudah kerusi Parlimen untuk membentuk kerajaan baru;

4.3.3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ("**KDYMM YDPA**") telah bertitah untuk meminta Kerjasama Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ybhg. Tan Sri Azhar Azizan Harun ("**YDP Dewan Rakyat**") supaya memohon daripada ketua-ketua parti politik dan ketua-ketua gabungan parti politik yang mempunyai jumlah kerusi yang banyak untuk memaklumkan kepada Istana Negara mengenai gabungan parti-parti politik yang telah dipersetujui antara parti-parti politik/gabungan parti-parti politik berkenaan bagi pembentukan kerajaan baharu;

4.3.4. YDP Dewan Rakyat akan meminta ketua parti-parti politik dan ketua gabungan parti-parti politik tersebut untuk memaklumkan mengenai gabungan parti-parti politik yang telah dipersetujui serta mengemukakan nama seorang ahli Dewan rakyat yang mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat untuk menjadi calon Perdana Menteri kepada Istana Negara sebelum jam 2.00 petang, Isnin, 21 November 2022.



4.4. Melalui satu kenyataan media oleh YDP Dewan Rakyat pada 20 November 2022 juga, YDP Dewan Rakyat telah memaklumkan seperti berikut:-

4.4.1. Bahawa beliau telah mengutuskan surat kepada ketua-ketua parti dan setiausaha-setiausaha agung parti-parti politik yang memenangi jumlah kerusi yang substantif untuk mengemukakan nama parti-parti dan Ahli-Ahli Parlimen bebas (sekiranya ada) yang bersetuju untuk menganggotai gabungan yang mempunyai sekurang-kurangnya 112 kerusi bagi menubuhkan kerajaan persekutuan melalui surat akuan berkanun oleh Ketua Parti, sebagai menjunjung titah KDYMM YDPA;

4.4.2. YDP Dewan Rakyat juga memintah ketua-ketua parti menamakan seorang daripada ahli Dewan Rakyat dalam gabungan yang diberi kepercayaan untuk menjadi Perdana Menteri ke-10 melalui surat akuan berkanun dari setiap ahli Dewan Rakyat yang menganggotai gabungan tersebut yang dinyatakan dengan terang dan jelas;

4.4.3. Dokumen-dokumen tersebut perlu diserahkan kepada Istana Negara selewat-lewatnya pada jam 2 petang, Isnin, 21 November 2022.



4.5. Pada atau kira-kira pada waktu petang hingga ke malam 20 November 2022, ahli-ahli Dewan Rakyat PN telah berkumpul di Glenmarie Resort, Shah Alam, dan telah mula menandatangani surat-surat akuan berkanun. Dalam masa yang sama, 22 ahli Dewan Rakyat Gabungan Parti Sarawak (“**GPS**”), 6 ahli Dewan Rakyat GRS, seorang ahli Dewan Rakyat Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (“**KDM**”), 10 ahli Dewan Rakyat BN dan 2 ahli Dewan Rakyat bebas juga turut menandatangani surat akuan secara berasingan.

21 November 2022

4.6. Pada atau kira-kira pada waktu pagi, 21 November 2022, Ibu Pejabat Perikatan Nasional telah berjaya memperolehi 114 surat akuan berkanun Ahli-Ahli Dewan Rakyat (“**114 Surat Akuan**”) yang memberikan kepercayaan kepada Tan Sri Dato’ (Dr.) Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin (“**TS Muhyiddin**”) sebagai calon Perdana Menteri Malaysia ke-10. Staf Ibu Pejabat Perikatan Nasional ketika itu menyusun 114 Surat Akuan tersebut dan membuat semakan akhir dihadapan pegawai kanan TS Muhyiddin, iaitu Datuk Dr. Marzuki bin Mohamad.

4.7. Pada atau kira-kira pada jam 1.28 petang 21 November 2022, Setiausaha Eksekutif Perikatan Nasional telah menghantar semua 114 Surat Akuan tersebut ke Istana Negara menerusi emel dan juga aplikasi *whatapps*.



- 4.8. Pada atau kira-kira pada masa yang sama, Barisan Nasional telah memohon satu perlanjutan masa daripada Istana Negara untuk menghantar surat-surat akuan berkanun.
- 4.9. Pada atau kira-kira pada jam 1.30 petang 21 November 2022, Istana Negara telah mengeluarkan satu kenyataan media memaklumkan bahawa KDYMM YDPA telah menzahirkan titah perkenan untuk melanjutkan masa proses mengemukakan gabungan parti-parti politik bagi pembentukan kerajaan baru dan pencalonan bakal Perdana Menteri sehingga jam 2.00 petang, Selasa, 22 November 2022.

22 November 2022

- 4.10. Perikatan Nasional telah menghantar satu lagi surat akuan berkanun yang menjadikan jumlah akhir surat akuan berkanun yang dikemukakan oleh Perikatan Nasional adalah sebanyak 115 Akuan Berkanun.
- 4.11. Pengurus Barisan Nasional, Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi (“**DS Zahid Hamidi**”) telah menghantar surat kepada KDYMM YDPA menyatakan bahawa 30 ahli Dewan Rakyat BN menyokong Plaintiff sebagai calon Perdana Menteri, namun tidak mengemukakan apa-apa surat akuan sebagai sokongan.



4.12. Pakatan Harapan pula dikatakan telah menghantar 86 surat-surat akuan berkanun ahli-ahli Dewan Rakyat yang memberi kepercayaan kepada Plaintiff sebagai calon Perdana Menteri.

4.13. Pada atau kira-kira pada waktu tengahari 22 November 2022, Istana Negara telah mengeluarkan kenyataan media memaklumkan seperti berikut:-

4.13.1.Istana Negara telah menerima pemakluman berkenaan gabungan-gabungan parti-parti politik bagi pembentukan kerajaan baru dan pencalonan bakal Perdana Menteri daripada ketua parti-parti dan ketua gabungan parti-parti politik;

4.13.2.Walaubagaimanapun, KDYMM YDPA mendapati bahawa tiada ahli Dewan Rakyat yang mendapat kepercayaan majoriti mudah untuk dilantik sebagai Perdana Menteri;

4.13.3.KDYMM YDPA menitahkan supaya ketua-ketua gabungan PH dan PN mengadap pada jam 4.30 petang, 22 November 2022.

4.14. Dalam sesi mengadap KDYMM YDPA pada atau kira-kira pada jam 4.30 petang, 22 November 2022 tersebut, TS Muhyiddin dengan kehadiran Tan Sri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang (“**TS Abdul Hadi**”), Presiden Parti Islam Se-Malaysia (“**PAS**”) telah dimaklumkan bahawa beliau tidak mempunyai sokongan majoriti mudah walaupun PN telah



menghantar 115 Surat Akuan, kerana dikatakan bahawa 10 ahli Dewan Rakyat BN yang menandatangani surat akuan sebelum itu telah menarik balik sokongan kepada beliau.

4.15. Oleh kerana terdapat keraguan dalam perkara tersebut, TS Muhyiddin telah mencadangkan supaya Istana Negara memanggil 10 orang ahli Dewan Rakyat BN yang dikatakan telah menarik balik sokongan terhadap beliau tersebut untuk mengadap KDYMM YDPA bagi mengesahkan pendirian sebenar mereka.

4.16. Pada atau kira-kira pada waktu petang 22 November 2022, Istana Negara telah mengeluarkan satu kenyataan media memaklumkan seperti berikut:-

4.16.1. Lanjutan daripada sesi mengadap ketua-ketua gabungan PH dan PN, KDYMM YDPA bertitah supaya 30 ahli Dewan Rakyat BN menghadap;

4.16.2. Sesi menghadap secara individu tersebut dijadualkan berlangsung pada jam 10.30 pagi, 23 November 2022.

23 November 2022

4.17. Pada atau kira-kira pada jam 10.45 pagi, 23 November 2022, hanya seramai 2 orang ahli Dewan Rakyat BN dan Setiausaha Agong BN yang



S/N WxWnNfrjjEKyoEturCTKAg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

masuk mengadap KDYMM YDPA, iaitu DS Zahid Hamidi, Datuk Seri Mohammad Hassan dan Datuk Seri Zamby Abdul Kadir (Setiausaha Agong BN).

- 4.18. Dalam masa yang sama juga 3 orang ahli Dewan Rakyat GPS iaitu Datuk Seri Fadillah Yusof, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Datuk Seri Richard Riot Jaem masuk menghadap KDYMM YDPA. Selepas daripada itu, GPS membuat kenyataan bahawa mereka kekal menyokong TS Muhyiddin sebagai Perdana Menteri.
- 4.19. Lanjutan daripada itu, Istana Negara telah mengeluarkan satu kenyataan media memaklumkan bahawa lanjutan daripada sesi menghadap wakil-wakil BN dan GPS, proses selanjutnya ialah mengadakan Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu di Istana Negara pada Khamis, 24 November 2022.
- 4.20. Pada atau kira-kira pada waktu petang 23 November 2022, satu perbincangan telah diadakan diantara wakil PN diketuai oleh TS Muhyiddin sendiri dan wakil BN yang diketuai oleh Timbalan Pengerusi BN, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Perbincangan berlangsung dalam suasana yang mesra dan positif.
- 4.21. Walaubagaimanapun, pada atau kira-kira pada waktu malam 23 November 2022, Setiausaha Agung UMNO telah membuat satu kenyataan media memaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Kerja



Tertinggi UMNO telah bersetuju untuk membentuk Kerajaan Perpaduan tanpa Perikatan Nasional, yakni menyertai kerajaan diterajui oleh PH.

24 November 2022

4.22. Pada atau kira-kira pada waktu tengahari 24 November 2022, Istana Negara telah mengeluarkan satu kenyataan media memaklumkan seperti berikut:-

4.22.1. Setelah memperhalusi titah pandangan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, KDYMM YDPA telah memberi perkenan untuk melantik Plaintiff sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10;

4.22.2. KDYMM YDPA memberi peringatan bahawa “*yang menang tidak menang semua dan yang kalah tidak kalah semua*”.

4.23. Pada atau kira-kira pada waktu petang, 24 November 2022, Plaintiff telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10.

5. Berdasarkan kepada kronologi proses pra-perlantikan Plaintiff sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 tersebut, Defendan menegaskan terdapat kontroversi dan helah yang nyata yang dilakukan oleh Plaintiff:-



- 5.1. Plaintiff selaku Pengerusi PH telah cuba berpaket dan berkomplot dengan DS Zahid Hamidi untuk menyebabkan 10 orang ahli Dewan Rakyat BN yang telah menandatangani Surat Akuan Berkanun memberi kepercayaan kepada TS Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri, untuk menarik kembali sokongan mereka.
- 5.2. Plaintiff selaku Pengerusi PH walaupun telah gagal mengemukakan Surat Akuan Berkanun pada tarikh 21 November 2022 sebagaimana dititahkan oleh KDYMM YDPA telah cuba berpaket dan berkomplot dengan DS Zahid Hamidi untuk mensabotaj jumlah majoriti ahli Dewan Rakyat seramai 115 orang, yang telah diperolehi oleh TS Muhyiddin, dan Perikatan Nasional.
- 5.3. Plaintiff selaku Pengerusi PH telah berpaket dan berkomplot dengan DS Zahid Hamidi untuk tidak membenarkan ahli-ahli Dewan Rakyat BN masuk menghadap KDYMM YDPA pada 23 November 2022 sebagaimana dititahkan oleh KDYMM YDPA pada 22 November 2022.
- 5.4. Plaintiff selaku Pengerusi PH telah berpaket dan berkomplot dengan DS Zahid Hamidi untuk mengambil tindakan bagi menyerahkan hanya surat Barisan Nasional kepada Istana Negara memaklumkan bahawa 30 ahli Dewan Rakyat BN memberi sokongan kepada Plaintiff, tanpa mengemukakan apa-apa Surat Akuan Berkanun sebagaimana dikehendaki.



- 5.5. Plaintiff selaku Pengerusi PH telah berpaktat dan berkomplot dengan DS Zahid Hamidi untuk mempengaruhi Majlis Kerja Tertinggi UMNO untuk menyokong Plaintiff sebagai calon Perdana Menteri, walhal Dewan Tinggi Barisan Nasional telah menyatakan dengan jelas untuk tidak menyokong mana-mana parti gabungan sama ada PH atau PN sebelum daripada itu.
- 5.6. Plaintiff selaku Pengerusi PH telah mempengaruhi ahli-ahli Dewan Rakyat GPS dan GRS yang telah menandatangani Surat Akuan Berkanun bagi menyokong TS Muhyiddin bagi menarik balik sokongan mereka terhadap TS Muhyiddin.

A2. Tindakan Plaintiff selepas menjadi Perdana Menteri

6. Plaintiff setelah dilantik menjadi Perdana Menteri, cuba menggambarkan dirinya sebagai berpegang kepada pendirian tidak mengamalkan politik dendam kepada kerajaan dahulu ataupun musuh politiknya. Plaintiff telah membuat kenyataan-kenyataan seperti berikut:-

- 6.1. Dalam majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama Warga Jabatan Perdana Menteri pada 29 November 2022 di Dataran Perdana Putra, Bangunan Perdana Putra, Plaintiff telah menyatakan bahawa:-

"Bukan bermaksud saya untuk mengorek kisah lama. Tidak. Saya tidak berminat. Hidup saya tahu erti derita dan sengsara, Tetapi yang penting adalah ke depan".



6.2. Dalam satu rancangan temubual Naratif Khas yang disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (“RTM”) pada 6 Januari 2023, Plaintiff menyatakan seperti berikut:-

6.2.1. “*Seperti yang kita lihat sekarang ialah beberapa langkah untuk terus menyiasat. Kalau orang yang takut, mereka akan kata ini politik dendam sedangkan saya tidak masuk campur*”.

6.2.2. “*(Hakikatnya) kalau kita tidak buat apa-apa, mereka kata ini bukan tadbir urus yang baik, mahu menutup kes rasuah yang besar, tapi bila kita ambil tindakan, mereka kata ini politik untuk menekan pihak tertentu*”.

6.2.3. “*Saya tahu apa erti kezaliman. Saya tidak mahu berlaku zalim. Saya dianggap tidak berjaya (sebagai pemimpin) jika guna kuasa tanpa bukti nyata*”

7. Walaubagaimanapun, tindakan-tindakan Plaintiff adalah jelas sekali bertentangan dengan kononnya pendirian beliau untuk menjauhi politik dendam. Defendan menegaskan seperti berikut:-

7.1. Pada 5 Disember 2022, Plaintiff dalam satu sidang akhbar selepas mesyuarat kabinet di Putrajaya telah membuat tuduhan bahawa kononnya Perikatan Nasional dibiayai oleh syarikat judi dalam kempen



PRU15, dan telah berlaku penyalahgunaan dana untuk projek Jana Wibawa sehingga jumlah RM600 billion.

- 7.2. Plaintiff menyatakan bahawa “*Berkenaan judi, pastinya sebahagiannya digunakan untuk mendanai pilihan raya. (Saya telah minta) semakan terhadap perkara itu*” dan “*walaupun anda gelar diri anda parti Melayu atau parti Islam, dana (pilihan raya) datang dari syarikat judi*”.
- 7.3. Pada 21 Februari 2023, Ketua Penerangan, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (“BERSATU”) yang merupakan parti komponen utama PN, Datuk Wan Saiful bin Wan Jan (“**Wan Saiful**”) telah dihadapkan ke Mahkamah atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM6.9 juta membabitkan projek Jana Wibawa bernilai RM232 juta.
- 7.4. Pertuduhan pertama ke atas Wan Saiful adalah seperti berikut:-

“Bahawa kamu sekitar bulan April 2022 di Royal Lake Club, Taman Tasik Perdana dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah meminta bagi diri kamu suatu suapan, wang daripada Lian Tan Chuan, sebagai dorongan untuk kamu melakukan suatu perkara, iaitu membantu syarikat Nepturis Sdn Bhd mendapatkan projek Central Spine Road: Sertik ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (CH 0 – CH 8050) daripada Kerajaan Malaysia secara Pra Kelayakan yang jumlah keseluruhannya bernilai RM232,000,000.00, dan oleh yang demikian



kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama”.

7.5. Pertuduhan kedua ke atas Wan Saiful adalah seperti berikut:-

“Bahawa kamu di antara 08 Julai 2022 hingga 30 September 2022 di CIMB Bank Berhad Cawangan Bukit Tunku , J2 & K1, Taman Tunku, Bukit Tunku dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu wang tunai sejumlah RM6,962,694.54 melalui Akaun CIMB Bank Berhad nombor akaun 80-0995300-6 milik syarikat kami iaitu WSA Advisory Group Sdn Bhd daripada akaun Maybank Islamic Berhad milik syarikat Nepturis Sdn Bhd, sebagai upah bagi diri kamu kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar, iaitu membantu syarikat Nepturis Sdn Bhd mendapatkan Surat Setuju Terima bagi projek Central Spine Road: Serik ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (CH 0 – CH 8050) daripada Kerajaan Malaysia secara Pra Kelayakan yang jumlah keseluruhannya bernilai RM232,000,000.00, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama”.



7.6. Wan Saiful telah mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan, dan minta dibicarakan. Kes tersebut masih dalam proses pra-perbicaraan ketika Pembelaan ini difailkan.

7.7. Wan Saiful dalam satu kenyataan media pada 21 Februari 2023 menyatakan seperti berikut:-

“Saya agak kesal keadaan sekarang di mana (kerajaan) sepatutnya fokus kepada kebijakan rakyat pada kos sara hidup, keperluan asas yang naik melambung, tuntutan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara bersasar yang disuarakan dibanyak peringkat”.

“Tetapi, apa berlaku (kerajaan) melakukan pertuduhan sebegini untuk divert attention daripada kegagalan kerajaan ini, kegagalan untuk mengeluarkan idea-idea baru, idea-idea penyelesaian kepada masalah rakyat. Apabila mereka gagal, ia cuba ditutup dengan mewujudkan kes yang sepatutnya tidak wujud”.

7.8. Untuk rekod, Wan Saiful adalah merupakan Pengurus Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (“**PTPTN**”), sebuah badan berkanun, dan agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi bermula daripada 18 Jun 2018 hingga 17 Jun 2022.



7.9. Selanjutnya, pada 10 Mac 2023, TS Muhyiddin pula telah dihadapkan ke Mahkamah atas 4 pertuduhan rasuah dan 2 pertuduhan penggubahan wang haram seperti berikut:-

7.9.1. Pertuduhan Pertama – TS Muhyiddin menggunakan kedudukannya untuk suapan, iaitu wang berjumlah RM200,000,000.00 dari Bukhary Eqity Sdn Bhd bagi milik partinya BERSATU;

7.9.2. Pertuduhan Kedua – TS Muhyiddin menggunakan kedudukannya untuk suapan, iaitu wang berjumlah RM1,000,000-00 daripada Syarikat Nepturis Sdn Bhd bagi milik partinya, BERSATU;

7.9.3. Pertuduhan Ketiga – TS Muhyiddin menggunakan kedudukannya untuk suapan, iaitu wang berjumlah RM19,500,000-00 daripada Syarikat Mamfor Sdn Bhd bagi milik partinya, BERSATU;

7.9.4. Pertuduhan Keempat – TS Muhyiddin menggunakan kedudukannya untuk suapan, iaitu wang berjumlah RM12,000,000-00 daripada Azman Yusoff bagi milik partinya;

7.9.5. Pertuduhan Kelima – TS Muhyiddin menerima wang RM120,000,000-00 hasil aktiviti haram daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke dalam Akaun CIMB milik partinya;



- 7.9.6. Pertuduhan Keenam – TS Muhyiddin menerima wang RM75,000,000-00 hasil aktiviti haram daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke dalam Akaun CIMB milik partinya;
- 7.10. Pada 13 Mac 2023, TS Muhyiddin telah dihadapkan sekali lagi ke Mahkamah untuk satu pertuduhan (Pertuduhan Ketujuh) menerima wang RM5,000,000-00 hasil aktiviti haram daripada sebuah syarikat yang dimasukkan ke dalam Akaun AmBank milik partinya.
- 7.11. TS Muhyiddin mengaku tidak bersalah atas kesemua tujuh pertuduhan dan memohon untuk dibicarakan.
- 7.12. TS Muhyiddin telah membuat kenyataan media pada 10 Mac 2023 dan menyatakan seperti berikut:-

“Pagi tadi saya dihadapkan ke Mahkamah Kuala Lumpur untuk menghadapi enam pertuduhan. Pada hari Isnin (13 Mac) ini saya akan dihadapkan ke Mahkamah Shah Alam untuk satu lagi pertuduhan.

Pertuduhan ke atas saya dibuat di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu berkenaan tohmahan salah guna kuasa. Saya tidak didakwa atas kesalahan menerima rasuah bagi diri saya.

Ini kerana setelah siasatan dibuat, didapati tidak ada satu sen pun wang



rakyat masuk ke poket saya sendiri sepanjang saya menjadi Perdana Menteri.

Ia berbeza sekali dengan fitnah yang dilemparkan ke atas saya kononnya saya menyeleweng RM600 bilion wang pakej rangsangan ekonomi semasa pandemik Covid-19.

Kini terbukti tuduhan itu adalah satu fitnah jahat yang direka semata-mata untuk mencemarkan imej saya, keluarga saya dan parti saya.

Oleh kerana saya tidak menerima rasuah, mereka mencipta kesalahan lain untuk mengesahkan dakwaan Presiden UMNO bahawa akan wujud Kluster Mahkamah baharu dalam kalangan pemimpin Perikatan Nasional.

Dia ingin menyamakan saya dengan dirinya. Tentu sekali berbeza. Dia dituduh menggunakan wang yayasan untuk kegunaan diri sendiri.

Sedangkan saya, tidak ada satu sen pun wang yang masuk ke poket saya sendiri.

Saya dituduh menyalahgunakan kuasa Perdana Menteri untuk melantik kontraktor-kontraktor Bumiputera bagi Projek JANAWIBAWA.



Saya nafikan tuduhan ini. Saya tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meluluskan projek-projek ini. Kesemua projek ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan mengikut peraturan dan tatacara perolehan yang sah.

Saya juga dituduh menyalahgunakan kuasa untuk meluluskan Rayuan Pembatalan Pengecualian Cukai oleh Yayasan Al-Bukhary yang dinaungi oleh Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

Saya nafikan dakwaan ini. Kelulusan rayuan pengecualian cukai ini dibuat oleh Kementerian Kewangan dan saya tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meluluskannya.

Inilah dua dakwaan yang mengakibatkan tujuh pertuduhan yang dibuat ke atas saya.

Semalam, sebelum keterangan saya diambil berhubung dakwaan saya menyalahgunakan kuasa meluluskan rayuan pengecualian cukai oleh Yayasan Al-Bukhary saya diberitahu bahawa Jabatan Peguam Negara telah membuat keputusan untuk mendakwa saya.

Bagaimana keputusan untuk mendakwa telah dibuat sedangkan keterangan saya mengenainya belum diambil?



Saya dapati keputusan untuk mendakwa saya sebenarnya telah dibuat lebih awal oleh pihak yang paling berkuasa dalam pentadbiran negara sebelum sisatan dilengkapkan.

Mereka hanya menggunakan agensi penguatkuasa sebagai alat untuk mencapai tujuan politik mereka.

Jelas, pendakwaan ke atas saya adalah satu bentuk pemangsaan politik yang terancang. It is an organized political persecution.

Saya telah berkecimpung dalam politik selama 50 tahun. Sepanjang tempoh itu, tidak ada apa-apa kesalahan yang saya lakukan. Malah saya sentiasa akur kepada peraturan dan undang-undang.

Saya tidak melanggar peraturan dan undang-undang dengan sewenang-wenangnya.

Pegawai-pegawai kerajaan yang pernah berkhidmat dengan saya pasti tahu sikap dan pendirian saya mengenai pematuhan kepada peraturan dan undang-undang.

Saya terima pertuduhan ke atas saya ini dengan sabar. Saya tahu dalam dunia politik, ramai musuh yang ingin menghancurkan saya, keluarga saya dan parti saya. Lebih-lebih lagi apabila saya berhadapan dengan musuh politik yang rakus.



Bagi saya tidak mengapa. Ini jalan perjuangan yang saya pilih. Saya tidak memilih untuk bersekongkol atau tunduk dengan desakan mereka yang batil.

Saya pilih untuk tegak berdiri di atas prinsip yang saya pegang. This is the price that I have to pay.

Saya yakin dengan kuasa Allah. Saya berdoa semoga Allah SWT mengurniakan rahmah dan inayah-Nya ke atas saya dan melindungi saya dan sahabat-sahabat seperjuangan saya daripada musibah buruk”.

(“Kenyataan Media TS Muhyiddin”)

- 7.13. Lanjutan daripada Kenyataan Media TS Muhyiddin tersebut, Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan (iaitu Plaintiff sendiri yang memegang jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sekaligus), Muhammad Kamil Abdul Munim telah membuat laporan polis ke atas TS Muhyiddin atas dakwaan kononnya TS Muhyiddin melakukan fitnah ke atas Plaintiff dalam sidang media tersebut.
- 7.14. Susulan daripada itu, TS Muhyiddin dan 20 pemimpin BERSATU telah dipanggil oleh polis untuk siasatan.



7.15. Pada 15 Mac 2023, Lawyers for Liberty (“LFL”), sebuah organisasi bukan kerajaan mengenai hak asasi telah mengeluarkan kenyataan mengecam siasatan polis terhadap TS Muhyiddin.

7.16. Pengarah LFL, Zaid Malek telah menyatakan seperti berikut:-

“We refer to the police announcement yesterday that they have opened an investigation for criminal defamation under section 500 of the Penal Code against Perikatan Nasional chairman, Muhyiddin Yassin for alleged defamatory statements against the Prime Minister, Anwar Ibrahim. The offence carries a prison sentence.

LFL finds it appalling and undemocratic that such a police report was made in the first place by the PM’s own political secretary. Clearly the police report could not have been made without Anwar’s approval. And the purpose of the police report is clearly to silence criticism against Anwar by his political opponent Muhyidin Yassin and potentially others who choose to criticise Anwar.

It is unlawful, unconstitutional and tyrannical for the PM or any government minister to rely upon the machinery of the enforcement authorities to clamp down on any speech that “creates a negative perception” of their leadership, as claimed by Anwar’s political secretary.



S/N WxWnNfrijEKyoEturCTKAg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

If the Prime Minister or anyone in the government feels that they have been defamed, there is recourse in the civil courts that is available to clear their name. In our democracy, the PM has no special status under the law different from ordinary citizens. It is unlawful for him to utilize the police to defend his reputation.

Has Anwar Ibrahim forgotten that during the Najib era, the then opposition Pakatan Harapan was at the receiving end of similar police investigations for criticism of then Prime Minister Najib? Have Anwar and his political coalition learnt nothing from the persecution they were then subjected to?

This sets a dangerous precedent for our country as similar action can be taken against anyone else who expresses dissent against the PM or the government or any of its ministers. This renders meaningless the right to freedom of expression of the people guaranteed under article 10(1)(a) of the Federal Constitution and endangers our civil liberties.

We remind the government that the police are not here to protect the image or reputation of the Prime Minister or the government that he leads. Their job is to keep the public safe from crime and maintain public order. A mature and democratic government publicly responds to and answers criticism, instead of trying to jail critics.



S/N WxWnNfrijEKyoEturCTKAg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Therefore, as leader of a democratic nation who respects the rule of law, Prime Minister Anwar Ibrahim must direct his political secretary to withdraw the police report with immediate effect as it is a matter for the civil courts. Meanwhile, the police must halt any criminal investigation for the alleged defamatory statements immediately as it is not their job to protect the PM's reputation".

A3. Isu LCS yang dibangkitkan oleh Plaintiff sebelum PRU15

8. Pada 9 Ogos 2022, 3 bulan sebelum PRU15, Plaintiff telah melalui satu siaran langsung melalui akaun Facebook rasmi milik beliau "anwaribrahimofficial" dengan tajuk "Berkenaan Skandal Pemerolehan Kapal Tempur Kementerian Pertahanan", telah membuat kenyataan seperti berikut:-

"Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertama, saya ingin mengulas kenyataan kononnya Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin kesal dengan apa yang berlaku. Saya nak ingatkan dia, ini skandal kontrak pertahanan ini bukan baru. Kalau kesal sampai buih mulut pun tak selesai masalah.

Sebab kalau kita ingat Scorpion dulu, kemudian, kapal juga dari Yaro Shipyard United Kingdom terkait dengan MOU di antara Perdana Menteri Mrs. Thatcher dengan Tun Mahathir dan itupun banyak masalah.

Dan bila perbendaraan keras soal harga yang ditetapkan dan campurtangan Menteri Pertahanan pada ketika itu langsung, iaitu Datuk Seri Najib. Harga



dapat diturunkan tapi frigate satu kapal perang itu lambat dari jadual dan bermasalah berpuluhan tahun.

Kita tak belajar dari pengalaman itu kerana campur tangan orang politik yang tamak haloba yang mencari komisyen dan saya minta oleh demikian pihak Kementerian Pertahanan bukan sahaja pihak pengurusan dan pegawai tetapi juga pihak yang professional juga harus lebih tegas mempertahankan satu keputusan yang berwibawa dan tidak terlibat dalam salah laku dan rasuah. Kemudian selepas itu berlaku lagi Scorpeen, Scorpeen dari Perancis itu jadi skandal besar kena terkait lagi juga pula dengan kes yang dituduh pembunuhan Altantuya dan Scorpeen ini disebut di Parlimen ada komisyen 120 130 Euro RM300 RM400 juta dan kemudian disalur melalui syarikat Abdul Razak Baginda. Lagi masalah. Itulah yang menyebabkan pada ketika itu saya war-warkan kisah tentang bila ambil 300 juta namanya Commission, bila anggota Polis biasa ambil RM50 namanya corruption.

Ini dah 10 tahun tak ada pengajaran dan sekarang, lepas itu MD530G enam helikopter dipesan tahun 2015 oleh Syarikat Halaman Optima, Azizul Hassan itupun rundingan terus kepada Datuk Seri Najib. 6 helikopter dipesan lewat 43 bulan, rundingan terus tak ada tender. Kononnya atas nama keselamatan. Jadi guna alasan Keselamatan Negara untuk merompak ini satu jenayah besar.



Dan baru-baru ini heboh soal LCS. Ini kapal tempur, tapi kita bertempur seorang songlap wang, soal salah urus. Belum lagi sampai kapal tu bertempur ni. Dan yang mengejutkan ialah pimpinan Menteri Pertahanan, Perdana Menteri ketika itu tidak belajar dari pengalaman ini. Dia meneruskan semua yang berlaku selama puluhan tahun dan malah dalam soal LCS ini, syarikat Perancis yang terlibat dalam Scorpeen dulu pun dipanggil lagi walaupun seluruh negara dan di Perancis dan didunia bangkitkan soal rasuah yang melibatkan kes ini.

Dan alasan bila kita kritik, alasannya apa yang dikatakan oleh Dato' Seri Hisyam ini nak selamatkan 400 vendor Veteran dan Bumiputera. Sapura bila nak selamatkan yang dibawa itu saja alasan, yang rompakkan awal komisyen salah urus salah guna itu tak mau dibahaskan, cuma kesal, kesal dah berpuluhan tahun dah soal Kementerian Pertahanan.

Jadi bila saya cadangkan fasa keenam itu dibatalkan dan sebelumnya ditangguhkan itu diperlekeh oleh Menteri Pertahanan. Dia lupa kerana ini bila Menteri tak buat kerja persiapan dan membaca dan malas ini jadinya baca apa jawapan Menteri Pertahanan pada 3 Ogos 2020, Datuk Seri Ismail Sabri. Apa kata dia? Pertama, beri syarikat lain menyelamatkan projek ini LCS, kedua kata dia tangguhkan beberapa fasa dan tamatkan fasa yang akhir itu yang saya tegaskan. Tapi bila Menteri tak buat kerja dan lembap, inilah jawapan dia di Parlimen, yang bercanggah dengan Menteri Pertahanan kerana bila Ismail Sabri, Datuk Seri Ismail Sabri keluarkan kenyataan itu berdasarkan laporan jawatankuasa peringkat tertinggi Kementerian Pertahanan yang menunjukkan



masalah-masalah ini malah option ketiga yang disebut oleh Perdana Menteri sekarang pada tahun 2020, 3 Ogos ialah batalkan projek dan minta yang lain ambil alih.

Jadi saudara-saudara, kita dah berlarutan ini masalah dan itupun kerana pada tahun sebelumnya 2019 Tan Sri Amrin Buang, Ketua Audit Negara menyatakan dalam laporan tentang permasalahan-permasalahan tersebut dan sekarang ini kita dikejutkan lagi dengan laporan jawatankuasa kira-kira wang negara, PAC. Kalau Menteri buat kerja dia baca laporan 2019 Ketua Audit Negara, dia baca laporan 2020, dia tahu masalah ini lebih berat daripada apa yang dia cuba selindung daripada masyarakat awam. Jadi bagi saya kita tak boleh tutup kes ini dengan mudah.

Siapa bertanggungjawab pertama mengapa selalu dalam perolehan besar ini perolehan terbesar dalam negara dan pertahanan RM9 billion, mengapa tidak ada tender dan siapa yang putuskan? Perdana Menteri Datuk Seri Najib pada ketika itu mesti jawab, Menteri Pertahanan Datuk Seri Zahid Hamidi dan Datuk Seri Hishammuddin Hussein Onn harus menjawab.

Dan jangan ada alasan siasatan belum beres kerana siasatan harus bermula pada tahun 2019 atau sebelumnya. Siasatan SPRM harus rapi bukan sahaja setakat terlihat 1 2 salahlaku tetapi melihat keseluruhan “commercial deal” yang menyebabkan masalah seberat ini.



Kita tahu ada peranan CEO tetapi saya tidak fikir perolehan sebesar ini dilakukan tanpa “complicity” atau sekongkolnya pengurusan dengan Menteri dan Perdana Menteri ketika itu. Inilah nasib rakyat kalau masih diselindung daripada kebenaran. Pencerahan harus diberikan dan saya syukur Alhamdulillah, ramai di kalangan pimpinan sekarang yang terus membongkar dan jadikan isu perolehan Kementerian Pertahanan isu besar negara. Saya ingin menggesa pengurusan dan pegawai Kementerian Pertahanan dan juga Ketua Turus Angkatan Tentera Laut, Udara dan Darat harus diberikan peranan yang lebih menentukan mutu perolehan Angkatan Tentera.

Dan kenyataan Tan Sri Dr Aziz Jaafar, Tentera Laut Diraja Malaysia, kami alu-alukan yang membuktikan bahawa ada concern dari kalangan pimpinan tentera tentang permasalahan berlaku tetapi diketepikan oleh Menteri, Perdana Menteri kerana bagi mereka habuan diri rasuah itu lebih besar daripada kepentingan pertahanan negara.

Terima kasih”

9. Adalah jelas melalui kenyataan media tersebut, Plaintiff telah mengkritik keras isu LCS sehingga menyatakan bahawa 1. “Perdana Menteri Datuk Seri Najib pada ketika itu mesti jawab, Menteri Pertahanan DS Zahid Hamidi dan Datuk Seri Hishammuddin Hussein Onn harus menjawab”, 2. “saya tidak fikir perolehan sebesar ini dilakukan tanpa “complicity” atau sekongkolnya pengurusan dengan Menteri dan Perdana Menteri ketika itu” dan 3. “tetapi



diketepikan oleh Menteri, Perdana Menteri kerana bagi mereka habuan diri rasuah itu lebih besar daripada kepentingan pertahanan negara.

10. Untuk rekod, DS Zahid Hamidi, ketika Pembelaan ini difaikkan adalah merupakan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, yang dilantik oleh Plaintiff, setelah PH bergabung dengan BN untuk membentuk kerajaan, walaupun Plaintiff sebelum ini sering menuduh BN sebagai “penyamun” dan “hoi ho ya hoi”.
11. Setelah Plaintiff dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-10, tiada lagi kenyataan-kenyataan keras dikeluarkan oleh beliau seperti di atas ke atas BN mahupun DS Zahid Hamidi (yang kini merupakan Timbalan beliau). Tidak ada pertuduhan baru yang dikemukakan oleh badan penguatkuasa ke atas mana-mana individu terkait isu LCS selepas 24 November 2022.

BAHAGIAN B: KENYATAAN DEFENDAN

B1. Temuramah di lobi Parlimen pada 21 Februari 2023

12. Perenggan 3 Pernyataan Tuntutan adalah diakui setakat Defendan ada membuat beberapa kenyataan kepada wartawan di lobi Dewan Rakyat dalam bangunan Parlimen semasa berlangsungnya Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas 2023 (**Kenyataan Temuramah tersebut**).



13. Perenggan 4 Pernyataan Tuntutan adalah diakui setakat wartawan-wartawan yang hadir ada merakam secara audio dan video Kenyataan Temuramah tersebut. Walaubagaimanapun, Defendan menegaskan seperti berikut:-

- 13.1. Kenyataan Temuramah tersebut adalah natijah daripada soalan-soalan yang dikemukakan oleh wartawan-wartawan yang hadir ketika itu. Defendan selaku ahli Dewan Rakyat yang bertanggungjawab perlu menjawab pertanyaan wartawan, dan memberikan pandangan jujur Defendan terhadap isu semasa yang hangat diperkatakan oleh masyarakat awam.
- 13.2. Defendan mempunyai tanggungjawab moral dan sosial untuk memberikan pandangan berbeza dan kritikan membina kepada Kerajaan bagi menjamin semak dan imbang dan memastikan tiadanya pemerintahan “authoritarian” atau “kuku besi” berlaku.
- 13.3. Defendan mempunyai hak asasi untuk memberikan pandangan selaras dengan jaminan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan;
- 13.4. Defendan selaku ahli Dewan Rakyat dari parti pembangkang mempunyai tanggungjawab untuk mengkritik tindakan kerajaan yang dirasakan tidak tepat dan bersifat “authoritarian” atau “kuku besi” bagi menjamin kedaulatan prinsip demokrasi di negara ini.



- 13.5. Wartawan-wartawan yang hadir menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pelapor kepada berita semasa untuk kepentingan masyarakat umum bagi mengetahui maklumat dan pandangan-pandangan termasuk pandangan berbeza terhadap sesuatu tindakan kerajaan. Defendan hanya memberikan respon kepada wartawan-wartawan yang menjalankan tanggungjawab mereka.
14. Perenggan 5 Pernyataan Tuntutan adalah dinafikan. Defendan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang audio dan video klip yang diterbitkan dan/atau diterbitkan semula melalui akaun Tiktok pihak ketiga di bawah nama “@asriasri64chanel” tersebut (**Akaun Tiktok Pihak Ketiga tersebut**).
15. Pada setiap masa yang material, Akaun Tiktok Pihak Ketiga tersebut bukanlah akaun Tiktok yang dibuka dan/atau dimiliki dan/atau dikendali dan/atau dikawal dan/atau boleh diakses oleh Defendan. Plaintiff dengan ini diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan pengataan Plaintiff.
16. Tambahan pula, Video dengan pautan Tiktok yang disebut dalam Perenggan 5 Pernyataan Tuntutan tersebut hanyalah cuplikan pendek selama 1 minit 6 saat bermula dengan perkataan “... akan menghadapi PRN...” dan berakhir dengan perkataan “...sudah menjadi pembangkang lebih dari 60 tahun”, dan telah disunting oleh pihak ketiga.



17. Perenggan 6 Pernyataan Tuntutan adalah dinafikan. Plaintiff dengan ini diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan bahawa transkripsi yang dinyatakan dalam Perenggan 6 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah benar-benar transkripsi ucapan yang dituturkan oleh Defendant secara keseluruhannya.
18. Perenggan 7 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah diakui setakat penerbitan artikel oleh MalaysiaKini pada 21 Februari 2023 (“**Artikel MK**”). Walaubagaimanapun, Defendant menegaskan seperti berikut:-
 - 18.1. Defendant tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan Artikel MK tersebut;
 - 18.2. Defendant tidak pernah ditunjukkan deraf Artikel MK tersebut sebelum ianya diterbitkan;
 - 18.3. Pemilihan tajuk Artikel MK tersebut oleh MalaysiaKini adalah diluar pengetahuan dan keterlibatan Defendant. Ia adalah tindakan MalaysiaKini secara sendiri, tanpa persetujuan Defendant;
 - 18.4. Ulasan dan laporan yang dibuat dalam Artikel MK tersebut oleh MalaysiaKini adalah ulasan MalaysiaKini sendiri, tanpa persetujuan Defendant;
 - 18.5. Defendant tidak bertanggungjawab sama sekali terhadap olahan yang dibuat oleh MalaysiaKini sama ada menjadikan apa yang diperkatakan



S/N WxWnNfrjjEKyoEturCTKAq

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

oleh Defendan menjadi sensasi, tertumpu kepada sesuatu isu sahaja, atau memberi gambaran yang salah terhadap mesej sebenar yang cuba disampaikan oleh Defendan.

B2. Kononnya Kenyataan Merujuk Kepada Plaintiff

19. Perenggan 8 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali kecuali pada pengataan bahawa Defendan ada menyebut “Perdana Menteri yang ke-10” dan “PM10”. Defendan meletakkan beban bukti yang kukuh kepada Plaintiff untuk membuktikan pengataan *“ungkapan menghina”*, *“dengan sengaja”* dan *“tanpa ragu-ragu”* sepertimana di Perenggan 8 Pernyataan Tuntutan tersebut.
20. Perenggan 9 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali. Defendan menegaskan seperti berikut:-
 - 20.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini pengataan Defendan dalam Perenggan 18 di atas;
 - 20.2. Rujukan-rujukan kepada Plaintiff yang kononnya dibuat oleh Defendan dalam Artikel MK tersebut bukanlah perkataan Defendan. Sebaliknya ia adalah tajuk, ulasan dan laporan MalaysiaKini dengan perkataan mereka sendiri;
 - 20.3. Defendan tidak pernah menyebut nama “Anwar Ibrahim” dalam Kenyataan Temuramah tersebut.



B3. Kononnya Kenyataan Fitnah Terhadap Plaintiff

21. Perenggan 10 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff adalah diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya.
22. Perenggan 11 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff adalah diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-
 - 22.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai di sini pengataan Defendan di Perenggan 13 dan 18 diatas;
 - 22.2. Tidak terdapat perkataan-perkataan fitnah yang paten atau sebaliknya dalam Kenyataan Temuramah tersebut. Sebaliknya, Defendan telah menggunakan bahasa formal yang sopan, tanpa bahasa kesat seperti perkataan “bodoh”, “bangang”, “penyamun” dan “penunggang agama” yang sering digunakan oleh Plaintiff dalam ucapannya.
 - 22.3. Defendan dalam Kenyataan Temuramah tersebut tidak mengungkapkan sesuatu yang fitnah atau palsu, sebaliknya Defendan mengungkapkan pandangan peribadi dan/atau pandangan politik beliau atas fakta sebenar yang berlaku yang diketahui umum;
 - 22.4. Dalam apa jua keadaan, perang mulut antara ahli politik di Malaysia adalah satu lumrah yang biasa, termasuk yang membabitkan Plaintiff sendiri. Selagi mana perang mulut tersebut tidak membabitkan fakta yang direka secara jahat (*concocted lies*), maka ia seharusnya tidak



dianggap terlalu sensitif, demi penyuburan prinsip demokrasi serta semak dan imbang.

Peguamcara Defendan akan berhujah lanjut tentang perkara ini pada tarikh pendengaran nanti, dan memohon Mahkamah untuk mengambil notis kehakiman terhadap perkara ini.

- 22.5. Defendan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa penerbitan semula tanpa persetujuan daripada Defendan;
- 22.6. Prinsip-prinsip berkenaan “*slander per se*” juga tidak terpakai dalam kes ini. Ini akan dihujah lanjut oleh peguamcara Defendan pada tarikh pendengaran nanti.
- 22.7. Seksyen 5 Akta Fitnah 1957 adalah tidak terpakai dalam kes ini. *Ini akan dihujah lanjut oleh peguamcara Defendan pada tarikh pendengaran nanti.*
- 22.8. Plaintiff adalah diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar lantaran daripada Kenyataan Temuramah tersebut.



B4. Maksud Sebenar Kenyataan Temuramah Defendan

23. Defendan selanjutnya menyatakan bahawa cedokan ayat-ayat dan frasa-frasa yang dibuat oleh Plaintiff dalam Perenggan 11 Pernyataan Tuntutan tersebut, bukanlah kata-kata fitnah yang diucapkan oleh Defendan.
24. Berkenaan dengan ayat dan frasa “...Kerajaan PH yang diketuai oleh aa...PM10 ini aa..dia sendiri pun secara...bagi saya...illegal number yang menyebabkan dia jadi Perdana Menteri ...” dan ayat dan frasa “...Ini satu percaturan yang diluar jangkaanlah...bagi saya...menyebabkan dia menjadi Menteri...”, Defendan menyatakan seperti berikut:-
- 24.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini kronologi proses pr perlantikan Plaintiff sebagai Perdana Menteri sepetimana dalam Bahagian A1 di atas.
- 24.2. Hakikat fakta sebenar yang berlaku adalah pada 21 November 2022, TS Muhyiddin dan Perikatan Nasional adalah pihak pertama yang menyerahkan 114 Surat Akaun Berkanun yang ditandatangani oleh majoriti ahli Dewan Rakyat untuk menyokong TS Muhyiddin sebagai Perdana Menteri, dan Plaintiff tidak mempunyai sokongan ketika itu.
- 24.3. Plaintiff hanya memperoleh sokongan majoriti apabila 10 ahli Dewan Rakyat BN yang pada mulanya menandatangani Surat Akuan Berkanun, namun kemudiannya atas pengaruh dan komplot antara Plaintiff dan DS Zahid Hamidi, Presiden UMNO dan Pengurus BN, menarik balik sokongan kepada TS Muhyiddin.



S/N WxWnNfrijEKyoEturCTKAq

37

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

24.4. Proses pra-perlantikan yang penuh kontroversi dan helah oleh Plaintiff inilah yang dirujuk oleh Defendan secara umumnya sebagai “*illegal numbers*”.

24.5. Hakikat bahawa Plaintiff terpaksa membawa usul percaya bagi menetukan keabsahannya di dalam Dewan Rakyat juga jelas membuktikan bahawa Plaintiff sendiri terpanggil untuk menjelaskan keabsahan sokongan kepada beliau yang terus-terusan dipertikai oleh masyarakat umum dan lawan politik beliau.

24.6. Oleh yang demikian, perkataan “*illegal numbers*” adalah komen yang berpatutan, dan berdasarkan fakta yang sebenar, dan bukannya satu kata-kata fitnah.

25. Berkenaan dengan ayat dan frasa “...*This is is aa...satu satu satu strategi...satu strategi yang mana bleh jadi satu kaedah yang dipanggil aa...mengugut aa...*” dan “*kami sebagai pembangkang...ugutlah apa saja...*”, Defendan menyatakan seperti berikut:-

25.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai pengataan Defendan dalam Bahagian A2 diatas.

25.2. “Strategi dan kaedah mengugut” yang dikatakan oleh Defendan adalah secara jelas merujuk kepada tindakan Kerajaan pimpinan Plaintiff yang membuat pertuduhan terhadap Wan Saiful pada 21 Februari 2023.



- 25.3. Pertuduhan yang dibuat terhadap Wan Saiful antara lain adalah berkenaan dengan projek Central Spine Road: Sertik ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (CH 0 – CH 8050) daripada Kerajaan Malaysia.
- 25.4. Secara umumnya (tanpa pergi kepada merit kes yang sedang dibicarakan ketika ini), adalah janggal dan pelik bagaimana Wan Saiful yang hanya merupakan Pengerusi PTPTN ketika kejadian rasuah yang dituduh itu berlaku, boleh terlibat dalam rasuah berkait projek jalanraya yang bukan dalam bidangkuasa PTPTN sama sekali.
- 25.5. Oleh yang demikian, memandangkan Wan Saiful yang tiada jawatan Menteri atau Timbalan Menteri sekalipun, dan hanya merupakan Pengerusi satu agensi kecil di bawah Kementerian Pengajian Tinggi boleh dihadapkan ke Mahkamah atas tuduhan rasuah untuk projek jalanraya, maka ia adalah satu mesej yang jelas oleh Kerajaan Plaintiff bahawa Menteri atau Timbalan Menteri lebih-lebih lagi boleh dihadapkan ke Mahkamah memandangkan kuasa mereka lebih besar.
- 25.6. Dalam masa yang sama, Plaintiff yang begitu lantang sekali bersuara tentang isu LCS sebagaimana dijelaskan secara terperinci dalam Bahagian A3 diatas, sehingga beliau menyatakan rakan politik beliau sekarang iaitu DS Zahid Hamidi sebagai pemimpin yang perlu menjawab isu LCS, merupakan “complicit” dan bersekongkol dalam perolehan LCS, dan menerima habuan rasuah yang mereka rasakan lebih besar daripada kepentingan negara, tidak pula mengarahkan atau



menyebabkan badan penguatkuasa seperti Polis dan SPRM untuk membuka kertas siasatan atau membuat pertuduhan terhadap DS Zahid Hamidi.

- 25.7. Kedua-dua situasi kes diatas melahirkan satu konklusi yang jelas bahawa Kerajaan Plaintiff akan cuba melindungi atau melengahkan penyelesaian sebarang isu yang membabitkan sekutu politik terkini, namun akan bingkas dan tegas terhadap seterus politik terutamanya Perikatan Nasional. Maka inilah yang dimaksudkan oleh Defendan sebagai “strategi” dan “kaedah mengugut”.
- 25.8. Perkataan “strategi” dan “kaedah mengugut” secara jelasnya bukannya merujuk kepada satu perlakuan jenayah, namun adalah merupakan strategi dan kaedah politik yang digunakan terutama dalam “*realpolitik*”.
- 25.9. Oleh yang demikian, kenyataan Defendan tersebut adalah pandangan peribadi dan/atau politik berdasarkan fakta yang sebenar.
26. Berkenaan dengan ayat dan frasa “..*Tapi bagi saya, kalau inilah permulaan Perdana Menteri yang ke-10 ini, the worst Prime Minister in Malaysia...*”, dan “...*Even Dr. Mahathir yang dikatakan zalim pun tidak setahap ini...*”, Defendan menyatakan seperti berikut:-
 - 26.1. Pertuduhan yang dibuat ke atas Wan Saiful adalah pada 21 Februari 2023, hanya selepas kira-kira 3 bulan atau 90 hari daripada tarikh Plaintiff mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri iaitu pada 24 November



2022. Tindakan sepantas ini yang dimaksudkan oleh Defendant sebagai “permulaan Perdana Menteri ke-10”.

- 26.2. Mengikut sejarah, Tun Mahathir telah dilantik menjadi Perdana Menteri buat kali pertama pada 16 Julai 1981. Tindakan pertama beliau selepas dilantik ialah membebaskan 21 banduan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, termasuk wartawan Samad Ismail dan bekas timbalan menteri di dalam kerajaan Hussein Onn iaitu Abdullah Ahmad, yang disyaki menjadi komunis bawah tanah.
- 26.3. Kontroversi paling besar dalam sejarah pentadbiran Tun Mahathir adalah Operasi Lalang yang dijalankan pada 27 Oktober 1987, yang membabitkan penahanan ratusan orang termasuk beberapa pemimpin politik kerajaan dan pembangkang seperti Lim Kit Siang (DAP), mendiang Karpal Singh (DAP), Ibrahim Ali (UMNO) dan Halim Arsyat (PAS). Operasi Lalang ini adalah lanjutan daripada bantahan Dong Jiao Zong terhadap guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan bahasa cina yang dihantar oleh Kementerian Pendidikan (yang dikepalai oleh Plaintiff ketika itu) ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.
- 26.4. Jika dibandingkan tindakan kontroversi yang dibuat oleh Kerajaan Tun Mahathir ketika itu dengan tindakan kontroversi yang dibuat oleh Kerajaan Plaintiff ketika ini, jelas menunjukkan bahawa dari segi jangkamasa, Kerajaan Tun Mahathir melakukan Operasi Lalang hanya 6 tahun selepas Tun Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri, walhal



pertuduhan terhadap seteru politik dibuat oleh Plaintiff hanya dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri.

- 26.5. Plaintiff ketika dihadapkan ke Mahkamah atas pertuduhan salahguna kuasa pada sekitar 1998, terus memulakan Gerakan reformasi yang menggelar Tun Mahathir sebagai “zalim” dan “maha firaun”.
- 26.6. Perbandingan inilah yang dirujuk oleh Defendan dalam menyatakan pandangan, agakan atau telahannya bahawa Plaintiff, dalam aspek jangkamasa pendakwaan dibuat terhadap lawan politik daripada tarikh perlantikan, adalah “lebih buruk” atau “paling buruk” dalam sejarah Malaysia, mengatasi Tun Mahathir.
- 26.7. Defendan tidak bermaksud untuk membanding Plaintiff dan Tun Mahathir dari aspek-aspek lain yang tidak berkait dengan pendakwaan politik yang sedang diperkata oleh Defendan dalam Kenyataan Temuramah tersebut.
- 26.8. Penggunaan perkataan “...kalau...” dalam Kenyataan Temuramah tersebut menunjukkan Defendan hanya cuba membuat andaian, agakan dan telahan.
- 26.9. Selanjutnya, andaian, agakan dan telahan sebegini berdasarkan pengamatan politik terhadap apa yang berlaku dalam negara adalah



perkara biasa dalam politik. Ia adalah perbezaan pandangan politik yang boleh sentiasa dijawab, dan bukan merupakan fitnah.

27. Berkenaan dengan ayat dan frasa “*...Saya mintak, mintak kerajaan terus siasat semua kes-kes yang sebelum ini, jangan ikut terpilih macam kes Pandora...*”, dan “*...Biarlah pendakwaan-pendakwaan ini serius dan tidak memilih*”, Defendan menjelaskan seperti berikut:-
- 27.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai pengataan Defendan dalam Perenggan A3 diatas.
- 27.2. Defendan hanya membuat perbandingan antara siasatan dan pendakwaan yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan Plaintiff dengan isu-isu yang menjadi keutamaan Plaintiff sebelum dilantik sebagai Perdana Menteri.
- 27.3. Adalah terlalu jelas bahawa sebelum dilantik menjadi Perdana Menteri, isu seperti LCS adalah isu yang menarik minat Plaintiff sehingga 3 bulan sebelum PRU15, Plaintiff masih mengkritik keras tentang isu tersebut, namun selepas 24 November 2022, isu tersebut menjadi sejuk dan tidak diperjuang secara aktif oleh Plaintiff lagi.
- 27.4. Ini berbeza dengan isu seperti tuduhan PN menggunakan dana daripada syarikat judi dan penyelewangan RM600 billion oleh kerajaan TS



Muhyiddin yang dibuat Plaintiff seawal 5 Disember 2022, hanya beberapa hari selepas mendapat kuasa.

- 27.5. Berdasarkan kepada latarbelakang itulah, Defendan menyatakan dalam bentuk nasihat dengan ayat “Saya mintak”, “janganlah” dan “biarlah” kepada Plaintiff agar tidak membuat pendakwaan yang dilihat sebagai terpilih.
28. Berkenaan dengan ayat dan frasa “...tetapi sebab denda. Ini saya mintak supaya persepsi dendam terhadap Perdana Menteri 10 ini jangan diteruskan..”, Defendan menjelaskan seperti berikut:-
 - 28.1. Frasa ini adalah merupakan konklusi sebenar kepada kenyataan Defendan, iaitu Defendan meminta agar Plaintiff selaku Perdana Menteri melaikan prasangka dan persepsi yang timbul ke atas beliau apabila Kerajaan Plaintiff membuat pendakwaan terhadap Wan Saiful atas rasuah projek yang bukan dalam portfolio beliau 3 bulan selepas perlantikan Perdana Menteri.
 - 28.2. Perkataan “saya mintak”, “persepsi dendam” dan “jangan diteruskan” adalah jelas menggambarkan nada sebenar Kenyataan Temuramah tersebut yang bukan sahaja merupakan komen yang berpatutkan yang berdasarkan fakta, namun bersifat menasihat dan cuba untuk melerai prasangka dan persepsi terhadap Plaintiff.



- 28.3. Plaintiff juga akan bergantung kepada pembelaan “bane and antidote” ketika pendengaran kelak.
29. Perenggan 12 dan 13 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan, dan Defendan dengan ini mengulangi dan menerima pakai keseluruhan Bahagian B3 dan B4 diatas sebagai jawapan.

B5. Kononnya kata-kata fitnah dalam Artikel MK

30. Perenggan 14 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff adalah diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-
- 30.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai di sini pengataan Defendan dalam Perenggan 13 dan 18 diatas;
- 30.2. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini pengataan Defendan dalam Bahagian B3 dan B4 diatas;
- 30.3. Artikel MK tersebut bukanlah kelangsungan selanjutnya (further perpetuation) apa yang dikatakan oleh Defendan dalam Kenyataan Temuramah tersebut. Oleh yang demikian, Defendan tidak bertanggungjawab atas apa yang diterbitkan dan/atau diterbitkan semula oleh pihak ketiga termasuk MalaysiaKini.



30.4. Tanpa prejedis kepada pengataan-pengataan Defendan di Perenggan 30.1 dan 30.3 diatas dan/atau secara alternatif, Defendan selanjutnya menyatakan seperti berikut:-

30.4.1. Tidak terdapat perkataan-perkataan fitnah, kepalsuan dan rekaan dalam Artikel MK tersebut. Sebaliknya, Artikel MK tersebut telah menggunakan bahasa formal yang sopan, tanpa bahasa kesat seperti perkataan “bodoh”, “bangang”, “penyamun” dan “penunggang agama” yang sering digunakan oleh Plaintiff dalam ucapannya;

30.4.2. Artikel MK tersebut tidak mengungkapkan sesuatu yang fitnah atau palsu, sebaliknya mengutarakan mengungkapkan pandangan peribadi dan/atau pandangan politik Defendan atas fakta sebenar yang berlaku yang diketahui umum;

30.4.3. Dalam apa jua keadaan, perang mulut antara ahli politik di Malaysia adalah satu lumrah yang biasa, termasuk yang membabitkan Plaintiff sendiri. Selagi mana perang mulut tersebut tidak membabitkan fakta yang direka secara jahat (*concoceted lies*), maka ia seharusnya tidak dianggap terlalu sensitif, demi penyuburan prinsip demokrasi serta semak dan imbang.

Peguamcara Defendan akan berhujah lanjut tentang perkara ini pada tarikh pendengaran nanti, dan memohon Mahkamah untuk mengambil notis kehakiman terhadap perkara ini.



30.4.4. Prinsip-prinsip berkenaan “*libel per se*” juga tidak terpakai dalam kes ini. Ini akan dihujah lanjut oleh peguamcara Defendan pada tarikh pendengaran nanti.

30.4.5. Plaintiff adalah diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar lantaran daripada Artikel MK tersebut.

31. Perenggan 15 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff adalah diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya.

B6. Kononnya butiran fitnah

32. Perenggan 16 dan 17 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff adalah diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya bahawa perkataan-perkataan Defendan dalam Kenyataan Temuramah tersebut, adalah membawa maksud sebagaimana butiran yang diberikan. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-

- 32.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini pengataan Defendan dalam Bahagian B3 dan B4 diatas sebagai jawapan.

- 32.2. Butiran yang diberikan oleh Plaintiff adalah satu usaha memperbesar-besarkan perkara yang kecil, dan memberi makna jauh diluar konteks ayat yang dituturkan.



- 32.3. Merujuk kepada Perenggan 16(i), Defendan menegaskan bahawa Defendan hanya menyatakan tentang “*illegal numbers*” yang merujuk kepada proses pra-perlantikan Plaintiff sebagai Perdana Menteri yang penuh kontroversi dan helah sebagaimana yang dinyatakan secara komprehensif di **Bahagian A1 daripada Perenggan 3 hingga 5 diatas**. Defendan tidak pernah menyatakan bahawa perlantikan Plaintiff tidak sah atau tidak mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan;
- 32.4. Merujuk kepada Perenggan 16(ii), Defendan menegaskan sememangnya setakat tarikh 21 November 2022, Plaintiff tidak mempunyai majoriti sokongan untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. Ini adalah fakta dan bukan rekaan;
- 32.5. Merujuk kepada Perenggan 16(iii), Defendan menegaskan sememangnya berlaku helah dalam percaturan pra-perlantikan Plaintiff sebagaimana dijelaskan secara komprehensif dalam Bahagian A1, dari Perenggan 3 hingga 5 diatas.
- 32.6. Merujuk kepada Perenggan 16(iv) dan (v), Defendan tidak pernah membuat kenyataan sedemikian. Walaubagaimanapun, Defendan selanjutnya menegaskan bahawa selaku Perdana Menteri, sudah tentu Plaintiff mempunyai pengaruh dan/atau kuasa untuk memberi arahan dan/atau menentukan dasar dan hala tuju agensi-agensi di bawah kerajaan.



32.7. Plaintiff juga adalah seorang yang pernah dihadapkan ke Mahkamah atas tuduhan salah guna kuasa yang mana butirannya adalah seperti berikut:-

32.7.1. Bahawa Plaintiff telah menghadapi pendakwaan di bawah Seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 22) 1970 (“**Ordinan**”) atas empat (4) pertuduhan salah guna kuasa;

32.7.2. Pertuduhan yang dihadapi oleh Plaintiff secara rangkumannya menyatakan bahawa Plaintiff semasa memegang jawatan selaku ahli pentadbiran (member of administration), telah secara salah menggunakan jawatan awamnya (public office) untuk kepentingan peribadi apabila mengarahkan dua pegawai polis berpangkat tinggi untuk mendapatkan empat kenyataan bertulis daripada Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali yang menyangkal tuduhan salah laku seksual dan liwat terhadap Plaintiff yang bertujuan menyelamatkan Plaintiff daripada rasa malu dan dakwaan jenayah yang bertentangan dengan Ordinan tersebut (“**Pertuduhan Jenayah Salah Guna Kuasa**”);

32.7.3. Perbicaraan Pertuduhan Jenayah Salah Guna Kuasa tersebut telah dijalankan di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur yang mana Hakim Mahkamah Tinggi (pada ketika itu); YA Augustine Paul telah memutuskan bahawa Plaintiff bersalah atas Pertuduhan Jenayah Salah Guna Kuasa tersebut dan lanjutan daripada itu, Plaintiff dijatuhkan hukuman enam tahun penjara



bagi setiap pertuduhan (**rujuk Penghakiman dalam PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215**);

32.7.4. Plaintiff telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan yang mana rayuan Plaintiff telah ditolak dan Mahkamah Rayuan telah mengekalkan sabitan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi (**rujuk Penghakiman dalam Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2000] 2 CLJ 695**); dan

32.7.5. Rayuan Plaintiff ke Mahkamah Persekutuan juga telah ditolak yang mana Mahkamah Persekutuan juga telah mengekalkan sabitan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi (**rujuk Penghakiman dalam Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457**)

32.8. Oleh yang demikian, berdasarkan rekod jenayah Plaintiff, adalah tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa Plaintiff mempunyai pengetahuan dan pengalaman untuk menggunakan kuasa yang ada bagi tujuan-tujuan yang lain, dan berpotensi melakukannya.

32.9. Merujuk kepada Perenggan 16 (vi), Defendan menegaskan bahawa berdasarkan fakta yang telah dijelaskan secara komprehensif dalam Bahagian A1, A2, A3, B3 dan B4 diatas, maka jelas menunjukkan bahawa Plaintiff sememangnya seorang yang mempunyai dendam politik terhadap lawan politiknya, namun ketika mana beliau telah berbaik dan



bergabung dengan lawan politiknya, dia boleh pula menutup kesalahan rakan politiknya yang baru.

32.10. Merujuk kepada Perenggan 16(vii), (viii), (ix) dan (x), Defendan menegaskan Defendan tidak pernah sama sekali menyatakan sedemikian, bahkan tidak ada perkataan, “salahlaku jenayah”, “kepalsuan” dan “bukan Muslim yang baik”, dalam Kenyataan Temurahan tersebut mahupun perkataan-perkataan yang mempunyai maksud seperti yang tersebut di atas sama ada secara secara biasa, pada permukaannya, menurut konteks, secara innuendo, secara implikasi atau lain-lain.

33. Perenggan 18 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya secara keseluruhan. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-

33.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini keseluruhan pengataan-pengataan Defendan dalam Perenggan 13, 18 dan 32 di atas;

33.2. Merujuk kepada Perenggan 18(ii), Defendan menegaskan walaupun Defendan tidak menafikan bahawa Plaintiff mempunyai imej yang disanjungi dan ditaksubi di peringkat Malaysia mahupun antarabangsa oleh sesetengah golongan, Plaintiff juga merupakan seorang tokoh politik yang banyak terpalit dengan isu-isu dan skandal-skandal yang penuh kontroversi seperti sabitan kesalahan penyalahgunaan kuasa dan liwat.



33.3. Prinsip Plaintiff yang kononnya tegar memperjuangkan integriti, menentang korupsi, nepotisme dan kronisme sering dipertikaikan oleh pelbagai golongan. Defendan menegaskan bahawa terdapat contoh-contoh yang jelas bahawa Plaintiff sendiri tidak berpegang kepada prinsip yang dijunjungnya:-

33.3.1. Plaintiff sebelum dilantik menjadi Perdana Menteri memperjuangkan prinsip bahawa tiada lantikan politik untuk syarikat-syarikat berkait Kerajaan (GLC), sebaliknya lantikan daripada golongan profesional yang benar-benar layak perlu diutamakan.

33.3.2. Walaubagaimanapun, setelah menjadi Perdana Menteri dalam kerajaan gabungan PH dan BN, telah berlaku lantikan politik seperti perlantikan Datuk Asyraf Wajdi bin Dusuki iaitu Ketua Pemuda UMNO (sekarang Setiausaha Agung UMNO) sebagai Pengerusi Majlis Amanah Rakyat pada 11 Mac 2023 yang lalu.

33.3.3. Tindakan Plaintiff ini telah menerima kritikan keras daripada pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan, Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (“**BERSIH**”), yang diketahui umum mesra dengan Pakatan Harapan sebelum ini.

33.3.4. Pada 13 Mac 2023, Pengerusi BERSIH, Thomas Fann melahirkan rasa kecewanya kerana kerajaan pimpinan Plaintiff meneruskan amalan perlantikan ahli politik ke jawatan syarikat



berkait kerajaan, walaupun Plaintiff sendiri yang mempromosi perubahan ini sejak 2 dekad yang lalu.

33.3.5.Seterusnya, melalui satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pemandu BERSIH pada 20 Mac 2023, ia menyatakan seperti berikut:-

“Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) mengecam dua pelantikan jawatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang baru diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Zahid Hamidi. Dua pelantikan tersebut adalah (1) pelantikan mantan Ketua Pemuda UMNO Asyraf Wajdi Dusuki sebagai Pengurus Majlis Amanah Rakyat (MARA), (2) pelantikan Pengurus Perhubungan UMNO Kelantan Ahmad Jazlan Yaakob sebagai Pengurus FELCRA. Tambah lagi, pelantikan terkini iaitu Dato Husam Musa selaku pengurus Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB). Pelantikan-pelantikan ini diumumkan ketika UMNO sedang menjalani pemilihan parti mereka dan sebelum pilihan raya negeri akan datang, justeru pelantikan ini boleh dilihat sebagai penaungan dan ganjaran untuk mendapatkan sokongan.

Kami mengingatkan Perdana Menteri Anwar Ibrahim tentang usaha awalnya untuk menyelaraskan proses pelantikan GLC dan memerangi kronisme”.



33.3.6. Ini menunjukkan bahawa prinsip yang paling diperjuangkan oleh Plaintiff juga dikompromi oleh beliau apabila perlu.

33.4. Merujuk kepada Perenggan 18(iii), Defendan menegaskan bahawa imej dan reputasi Plaintiff telah terjejas dengan tindakan-tindakan yang beliau lakukan sendiri, dan bukannya disebabkan kenyataan Defendan. Dalam apa jua keadaan, Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan kemudaratan dan kecederaan imej dan reputasi Plaintiff.

33.5. Merujuk kepada Perenggan 18(iv), (v) dan (vi), Defendan menegaskan seperti berikut:-

33.5.1. Kenyataan Defendan dalam Kenyataan Temuramah tersebut tidak mengandungi kepalsuan, atau niat jahat yang tersirat dan nyata.

33.5.2. Kenyataan Defendan dalam Kenyataan Temuramah tersebut juga bukanlah kenyataan yang melulu, tidak berperasaan, menghasut, tidak bertanggungjawab sepenuhnya, mencela atau menghasut sama sekali.

33.5.3. Kenyataan tersebut adalah pandangan peribadi dan/atau politik Defendan berdasarkan kepada fakta sebenar yang berlaku;



33.5.4. Defendan tidak pernah sekali-kali mempersoal kebijaksanaan, kesahihan dan kuasa perlembagaan KDYMM YDPA dalam pelantikan Perdana Menteri. Defendan hanya menyatakan tentang proses pra-perlantikan Plaintiff yang penuh kontroversi dan helah sebagaimana yang telah dijelaskan secara komprehensif dalam Bahagian A1 diatas.

33.5.5. Defendan menafikan sekeras-kerasnya bahawa Kenyataan Temuramah tersebut merupakan penghinaan dan pencelaan yang serius terhadap institusi Raja-raja Melayu.

33.5.6. Jika sekiranya Plaintiff berpendirian bahawa sebarang isu yang ditimbulkan tentang proses pra-perlantikan seorang Perdana Menteri adalah terjumlah kepada satu pertikaian terhadap kebijaksanaan KDYMM YDPA dan merupakan penghinaan dan pencelaan yang serius terhadap institusi Raja-Raja Melayu, Plaintiff juga telah melakukan perkara yang sama, bahkan lebih teruk lagi sebelum itu.

33.5.7. Ketika KDYMM YDPD berkenan untuk melantik TS Muhyiddin yang telah mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat ketika itu sebagai Perdana Menteri pada 1 Mac 2020, setelah berlaku kemelut perletakkan jawatan Tun Mahathir secara tiba-tiba, Plaintifflah merupakan orang yang paling lantang mengkritik TS Muhyiddin dan kerajaan Perikatan Nasional dengan memberi



pelbagai gelaran termasuk “Kerajaan Tebuk Atap”. Maka, Plaintiff juga telah mempertikai kebijaksanaan KDYMM YDPA dan menghina institusi Raja-Raja Melayu.

33.5.8. Oleh yang demikian, Plaintiff tidak perlu bersikap terlalu sensitif dengan kritikan, dan berlagak suci seolah-olah dia tidak pernah melakukan perkara yang sama.

33.5.9. Yang ditimbulkan oleh Defendan tentang “*illegal numbers*” bukanlah keputusan KDYMM YDPA, tetapi tindakan-tindakan Plaintiff yang berkomplot dengan DS Zahid Hamidi untuk menarik sokongan ahli Dewan Rakyat yang telah menandatangani Surat Akuan Berkanun, untuk membentuk majoriti sokongan kepada TS Muhyiddin pada 21 November 2022;

33.6. Merujuk kepada Perenggan 18(vii), (viii) dan (ix), Defendan mengulangi dan menerima pakai pengataan Defendan dalam Perenggan 32 di atas.

33.7. Merujuk kepada Perenggan 18(x), Defendan menegaskan bahawa Kenyataan Temuramah tersebut tidak cuai, melulu, sengaja, berniat jahat untuk merendahkan harga diri Plaintiff di mata masyarakat umum. Ia adalah pandangan peribadi dan/atau politik Defendan berdasarkan kepada fakta yang sebenar berlaku.



33.8. Merujuk kepada Perenggan 18(xi), (xii) dan (xiii), Defendan menegaskan tiada niat jahat and kebencian terhadap Plaintiff, dan ia tidak dirancangkan terlebih dahulu untuk mencederakan reputasi Plaintiff. Ia adalah pandangan peribadi dan/atau politik Defendan berdasarkan kepada fakta yang sebenar berlaku.

33.9. Tidak ada keperluan untuk Defendan memohon maaf dan menarik balik Kenyataan Temuramah tersebut kerana ia bukan satu fitnah.

B7. Kononnya butiran niat jahat

34. Perenggan 19 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya secara keseluruhan. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-

34.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai pengataan-pengataan Defendan dalam Bahagian A1, A2, A3, B3, B4, B5 dan B6 diatas.

34.2. Plaintiff selaku ketua Kerajaan Perpaduan yang sah dan sahiih sepatutnya mengambil tindakan segera terhadap isu LCS yang dicanangnya sebelum PRU15 sebagaimana dijelaskan dalam Bahagian A3 diatas, dan bukannya bersungguh-sungguh mencari kesalahan Perikatan Nasional yang tidak wujud.

34.3. Plaintiff selaku seorang yang kononnya ingin melakukan tadbir urus yang baik sepatutnya tidak membenarkan lantikan politik untuk syarikat



berkait kerajaan sebagaimana diperjuang dengan lantang suatu Ketika dahulu.

- 34.4. Defendan telah berhati-hati dan tidak melampaui batas dalam kenyataannya kerana Defendan tidak pernah menggunakan bahasa kesat seperti “bodoх”, “bangang” atau “tunggang agama” sebagaimana yang kerap dituturkan oleh Plaintiff.

BAHAGIAN C: GANTIRUGI DAN TUNTUTAN PLAINTIF

35. Perenggan 20 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-

- 35.1. Defendan tidak angkuh, namun hanya menyatakan pandangan peribadi dan/atau politik Defendan berdasarkan fakta yang sebenar.

- 35.2. Sememangnya Plaintiff telah memfailkan banyak sekali saman atas isu politik. Gelaran “bapa saman negara” adalah jolokan *“in jest”* kepada seseorang yang memulakan satu trend baru, iaitu dalam kes ini, menyaman pengkritik-pengkritik politik Plaintiff.

36. Perenggan 21 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya.



37. Perenggan 22 Pernyataan Tuntutan adalah dinafikan sama sekali. Adalah tidak logik dan munasabah sama sekali bagi Plaintiff, seorang yang pernah dipenjarakan begitu lama atas pelbagai kes salah laku seksual dan salahguna kuasa, yang kemudiannya tetap aktif bergiatan dalam politik, dan menghadapi semuanya dengan tabah dan tenang, tiba-tiba mengalami tekanan mental, kebimbangan dan rasa malu yang teruk hanya kerana Kenyataan Temuramah Defendan yang hanya merupakan pandangan umum semata-mata.
38. Perenggan 23 Pernyataan Tuntutan tersebut dinafikan sama sekali, dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan ganti rugi teruk yang dipohon. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-
- 38.1. Tontonan yang banyak terhadap Artikel MK tersebut bukanlah disebabkan oleh Defendan. Realitinya, 13 komen Bahasa Malaysia dan 79 komen Bahasa Inggeris adalah terlalu sedikit berbanding jumlah penyokong dan pentaksub Plaintiff diseluruh dunia. Maka ia tidak seharusnya menjadi asas kepada tuntutan ganti rugi teruk yang tidak munasabah.
- 38.2. Tiada keperluan untuk Defendan memohon maaf dan menarik balik Kenyataan Temuramah tersebut.
- 38.3. Hakikat bahawa Kenyataan Temuramah adalah berkait dengan isu politik tidak menjadikan ia satu sebab untuk Plaintiff mendapat ganirugi teruk.



- 38.4. Defendan mengulangi dan menerima pakai pengataan Defendan dalam Perenggan 27 diatas, dan selanjutnya menyatakan bahawa menimbulkan isu berkaitan proses pra-perlantikan Plaintiff sebagai Perdana Menteri bukanlah satu faktor untuk melayakkan Plaintiff mendapt gantirugi teruk.
- 38.5. Merujuk kepada Perenggan 23(x), Defendan menegaskan Kenyataan Temuramah dibuat bukanlah pada jam-jam terakhir kempen politik. Bahkan, tidak ada kempen atau pilihanraya yang sedang berlaku ketika Kenyataan Temuramah itu dikeluarkan, melainkan sekiranya Plaintiff menganggap bahawa setiap masa beliau didalam jawatan Perdana Menteri merupakan kempen politik beliau.
- 38.6. Merujuk kepada Perenggan 23(xii), Defendan menegaskan amatlah tidak munasabah untuk Plaintiff mengatakan bahawa beliau mengalami trauma mental, seolah-olah mencadangkan Plaintiff merupakan seorang yang lemah sekali mentalnya, yang boleh terkesan hanya dengan pandangan umum Defendan dalam Kenyataan Temuramah tersebut. Defendan percaya bahawa Plaintiff bukanlah seorang yang lemah mentalnya, kerana telah berjaya menjadi Perdana Menteri setelah menunggu dengan sabar hampir lebih 2 dekad.
- 38.7. Butiran gantirugi teruk yang digariskan oleh Plaintiff adalah tidak berasas sama sekali dari segi fakta maupun prinsip undang-undang.



39. Perenggan 24 Pernyataan Tuntutan tersebut dinafikan sama sekali, dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan ganirugi teladan yang dituntut. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-

39.1. Butiran ganirugi teladan yang dinyatakan oleh Plaintiff adalah butiran yang sama untuk ganirugi teruk. Ini menunjukkan bahawa Plaintiff telah kehabisan idea, dan hanya berniat untuk memperbesar-besar kecederaan yang kononnya dialami untuk manfaat pengkayaan.

39.2. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini pengataan Defendan dalam Bahagian A1, A2, A3, B3, B4, B5, B6 dan B7 diatas.

39.3. Defendan tidak pernah membuat tuduhan salahlaku jenayah terhadap Plaintiff. Oleh yang demikian, ia bukan merupakan faktor ganirugi teladan yang boleh dituntut.

40. Perenggan 25 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah diakui setakat Defendan menerima Surat Tuntutan daripada Tetuan S.N. Nair & Partners tersebut, dan Defendan telah menyangkalnya melalui surat-surat daripada peguamcara Defendan.

41. Perenggan 26 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan. Defendan selanjutnya menegaskan seperti berikut:-

41.1. Plaintiff gagal sama sekali mengemukakan asas-asas yang perlu dipatuhi untuk satu permohonan injunksi.



- 41.2. Injunksi adalah remedi yang tidak perlu dalam kes ini, dan hanya akan menyekat kebebasan bersuara.
- 41.3. Isu yang diketengahkan oleh Defendan adalah isu yang telah berlegar dalam domain awam sebelum daripada Defendan mengemukakannya lagi. Injunksi tidak akan dapat menghalang isu tersebut terus dibincangkan.
42. Perenggan 27 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah dinafikan sama sekali, dan Plaintiff diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikan setiap satu tuntutan yang dikemukakan kepada Defendan.
43. Defendan selanjutnya menegaskan bahawa tuntutan Plaintiff untuk gantrugi pampasan tidak mempunyai apa-apa asas fakta mahupun undang-undang. Plaintiff dengan ini diletakkan dengan beban bukti yang kukuh untuk membuktikannya.
44. Defendan juga menegaskan bahawa kos atas dasar peguamcara dan anakguam bukanlah kos yang menjadi kelaziman Mahkamah, tidak sepatutnya diberikan melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu, yang mana Plaintiff gagal untuk memberikan justifikasi keadaan tersebut.



BAHAGIAN D: PEMBELAAN DEFENDAN

D1. Pembelaan Justifikasi

45. Sekiranya Mahkamah yang Mulia ini memutuskan bahawa Kenyataan Temumarah tersebut mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya) dan Artikel MK tersebut adalah penerbitan semula, disebabkan oleh Defendan dan/atau lanjutan berterusan (further perpetuation) daripada Kenyataan Temuramah Defendan yang mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya), Defendan menegaskan bahawa Kenyataan Temuramah tersebut secara keseluruhannya dan/atau secara substantifnya adalah benar di dalam maksud sebenar dengan mengambil kira segala dan/atau setiap dari fakta-fakta seperti yang diplidkan dalam Bahagian A hingga C Pembelaan ini.

BUTIR-BUTIR PEMBELAAN JUSTIFIKASI

46. Butir-butir Pembelaan Justifikasi adalah seperti mana berikut:

46.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini pengataan dan butiran yang terdapat dalam Bahagian A1, A2, A3, B2, B3, B4, B5, B6 dan B7 diatas.

46.2. Fakta substantif tentang proses pra-perlantikan Plaintiff sebagai Perdana Menteri yang penuh dengan kontroversi dan helah, apabila 114 Surat Akaun Berkanun yang diserahkan bagi menyokong TS Muhyiddin pada



21 November 2022 cuba dikalahkan oleh Plaintiff dengan cara berkomplot dengan DS Zahid Hamidi untuk menyebabkan 10 ahli Dewan Rakyat BN menarik balik sokongan, adalah BENAR.

- 46.3. Fakta substantif tentang pendakwaan Wan Saiful yang dibuat oleh Kerajaan Plaintiff hanya selepas 3 bulan atau 90 hari dari tarikh perlantikan Plaintiff atas tuduhan rasuah membabitkan projek jalanraya yang bukan dalam bidangkuasa jawatan Wan Saiful sebagai Pengerusi PTPTN, adalah BENAR.
- 46.4. Fakta substantif tentang ketiadaan pendakwaan baru selepas Plaintiff dilantik sebagai Perdana Menteri berkenaan tudahan Plaintiff sendiri bahawa DS Zahid Hamidi bertanggungjawab, “complicit” atau bersekongkol dan mendapat habuan rasuah yang besar, adalah BENAR.
- 46.5. Fakta substantif tentang pendakwaan yang dilakukan terhadap Pengerusi Perikatan Nasional, TS Muhyiddin atas wang sumbangan dana politik yang dimasukkan ke dalam akaun BERSATU dan bukan akaun peribadi beliau, adalah BENAR.
- 46.6. Fakta substantif tentang apabila perbandingan dibuat berkenaan dengan pendakwaan politik yang dibuat oleh Tun Mahathir dan Plaintiff, menunjukkan bahawa Kerajaan Tun Mahathir hanya menjalankan Operasi Lalang selepas 6 tahun beliau dilantik, walhal Kerajaan Plaintiff



mendakwa Wan Saiful dalam jangkamasa 3 bulan sahaja, adalah BENAR.

46.7. Fakta substantif bahawa dalam Operasi Lalang, Kerajaan Tun Mahathir juga menangkap pemimpin politik kerajaan ketika itu seperti Ibrahim Ali, berbanding dengan Plaintiff yang belum melakukan apa-apa pendakwaan terhadap pemimpin kerajaan terutamanya isu negara seperti LCS, adalah BENAR.

D2. Pembelaan Ulasan Saksama

47. Sekiranya Mahkamah yang Mulia ini memutuskan bahawa Kenyataan Temumarah tersebut mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya) dan Artikel MK tersebut adalah penerbitan semula, disebabkan oleh Defendan dan/atau lanjutan berterusan (further perpetuation) daripada Kenyataan Temuramah Defendan yang mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya), Defendan menegaskan bahawa Kenyataan Temuramah tersebut adalah merupakan satu ulasan saksama tanpa niat jahat dengan mengambil kira segala dan/atau setiap dari fakta-fakta seperti yang diplidkan dalam Bahagian A hingga C Pembelaan ini.

BUTIR-BUTIR PEMBELAAN ULASAN SAKSAMA

48. Butir-butir Pembelaan Ulasan Saksama adalah sepermata berikut:



S/N WxWnNfrjjEKyoEturCTKAg

65

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- 48.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini pengataan dan butiran yang terdapat dalam Bahagian A1, A2, A3, B2, B3, B4, B5, B6 dan B7 diatas.
- 48.2. Ulasan saksama Defendan tentang “illegal numbers” adalah berdasarkan fakta yang BENAR iaitu proses pra-perlantikan Plaintiff yang penuh kontroversi dan helah sebagaimana dijelaskan sebelum ini.
- 48.3. Ulasan saksama Defendan tentang “Plaintif lebih teruk daripada Mahathir” adalah berdasarkan fakta yang BENAR iaitu perbandingan yang dibuat terhadap jangkamasa tindakan pertama yang diambil oleh Plaintiff dan Tun Mahathir membabitkan penahanan dan/atau pendakwaan pemimpin politik lawan.
- 48.4. Ulasan saksama Defendan tentang “statregi” dan “kaedah mengugut” adalah berdasarkan fakta yang BENAR iaitu pendakwaan Wan Saiful yang tidak memegang jawatan besar seperti Menteri dan Timbalan Menteri untuk memberi amaran kepada orang yang lebih berjawatan. Natijahnya selepas daripada pendakwaan Wan Saiful, TS Muhyiddin sendiri didakwa di Mahkamah atas 7 pertuduhan berkait sumbangan dana politik ke dalam akaun BERSATU.
- 48.5. Ulasan saksama tentang “pendakwaan terpilih” adalah berdasarkan fakta yang BENAR tentang ketiadaan apa-apa pendakwaan baru untuk isu LCS yang lantang dikritik oleh Plaintiff 3 bulan sebelum PRU15,



berbanding keagresifan Plaintiff menuduh penyelewengan RM600 billion oleh PN beberapa hari selepas PRU15.

- 48.6. Kenyataan Temuramah tidak mengandungi kata-kata kesat yang boleh menjadikan ulasan yang diberikan oleh Defendan menjadi ulasan berniat jahat.
- 48.7. Perkataan dan frasa “bagi saya”, “kalau inilah”, “saya mintak”, “jangan” “persepsi dendam … jangan diteruskan” menunjukkan dengan jelas bahawa ulasan yang dibuat oleh Defendan adalah ulasan yang saksama.
- 48.8. Sekiranya benar terdapat bisa/racun (*bane*) di dalam Kenyataan Temuramah tersebut, terdapat juga penawar (*antidote*) dalam Kenyataan Temuramah yang sama, apabila dihujung temuramah, Defendan menegaskan “*...Ini saya mintak supaya persepsi dendam terhadap Perdana Menteri 10 jangan diteruskan*” yang membawa maksud:-
 - 48.8.1. Isu pendakwaan terpilih, dendam yang menjadikan Plaintiff dilihat lebih buruk daripada Tun Mahathir, ADALAH PERSEPSI yang timbul dikalangan masyarakat;
 - 48.8.2. Defendan menasihatkan agar persepsi sebegini jangan dibiarkan berterusan, dengan mencadangkan kepada Plaintiff untuk



mengambil tindakan tidak berpilih, seperti meneruskan kes LCS yang diperjuangkannya dahulu.

48.9. Penawar dalam Kenyataan Temuramah tersebut menjadikan Kenyataan Temuramah tersebut, paling teruk adalah merupakan ulasan saksama Defendan berkenaan isu politik semasa.

D3. Pembelaan Perlindungan Bersyarat

49. Sekiranya Mahkamah yang Mulia ini memutuskan bahawa Kenyataan Temumarah tersebut mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya) dan Artikel MK tersebut adalah penerbitan semula, disebabkan oleh Defendan dan/atau lanjutan berterusan (*further perpetuation*) daripada Kenyataan Temuramah Defendan yang mengandungi kata-kata fitnah (yang mana dinafikan sekeras-kerasnya), Defendan menegaskan bahawa Kenyataan Temuramah tersebut adalah dibuat dalam keadaan perlindungan bersyarat (*qualified privilege*) tanpa niat jahat dengan mengambil kira segala dan/atau setiap dari fakta-fakta seperti yang diplidkan dalam Bahagian A hingga C Pembelaan ini.

50. Defendan akan bergantung kepada pembelaan Perlindungan Bersyarat (*Qualified Privilege*) dan/atau Perlindungan Bersyarat dibawah undang-undang kelaziman (*Common Law Qualified Privilege*) dan/atau Perlindungan Reynolds (*Reynolds Privilege*) dalam tindakan ini.



BUTIR-BUTIR PERLINDUNGAN BERSYARAT (QUALIFIED PRIVILEGE)
DAN/ATAU PERLINDUNGAN BERSYARAT DIBAWAH UNDANG-UNDANG
KELAZIMAN (COMMON LAW QUALIFIED PRIVILEGE) DAN/ATAU
PERLINDUNGAN REYNOLDS (REYNOLDS' PRIVILEGE)

51. Butir-butir pembelaan Perlindungan Bersyarat (Qualified Privilege) dan/atau Perlindungan Bersyarat dibawah undang-undang kelaziman (Common Law Qualified Privilege) dan/atau Perlindungan Reynolds (Reynolds Privilege) adalah sepetimana berikut:
- 51.1. Defendan mengulangi dan menerima pakai disini pengataan dan butiran yang terdapat dalam Bahagian A1, A2, A3, B2, B3, B4, B5, B6 dan B7 diatas.
- 51.2. Defendan menegaskan bahawa sebagai seorang pemimpin masyarakat, Defendan berada di bawah tanggungjawab politik dan/atau moral dan/atau sosial dan/atau undang-undang untuk memaklumkan kepada masyarakat awam, khususnya kepada masyarakat umum;
- 51.3. Masyarakat umum juga adalah berhak untuk menerima komen-komen tersebut bagi membuat pertimbangan terhadap isu-isu semasa membabitkan tindakan kerajaan yang membabitkan penguatkuasaan dan reformasi institusi terutamanya berkaitan isu rasuah;




- 51.4. Atas sebab itu, masyarakat umum mempunyai kepentingan timbal balas (corresponding interest) untuk menerima maklumat sedemikian bagi memastikan ketelusan dalam tindakan kerajaan yang membabitkan penguatkuasaan dan reformasi institusi terutamanya berkaitan isu rasuah;
- 51.5. Defendan juga telah membuat semakan kepada fakta-fakta latar belakang Plaintiff sebelum ini yang mana kesemuanya adalah dari sumber yang sahih dan yang dipercayai; dan
- 51.6. Defendan juga menegaskan bahawa Defendan berada di bawah tanggungjawab politik dan/atau moral dan/atau sosial untuk menyebarkan isu-isu tatekelola, pendanaan politik dan pengurusan kewangan projek Mega yang berlaku untuk sama-sama dinilai oleh masyarakat.
- 51.7. Plaintiff selaku seorang Perdana Menteri seharusnya berani bertanggungjawab atas fakta-fakta yang dinyatakan oleh Defendan dan tidak tersinggung dengan teguran, saranan dan kritikan yang dibuat oleh Defendan dan masyarakat amnya.
- 51.8. Defendan menegaskan bahawa Defendan tidak pernah mempunyai apa-apa niat jahat ke atas Plaintiff dalam Kenyataan Temuramah tersebut selain daripada memberi kritikan ke atas Plaintiff bagi memastikan ketelusan pentadbiran Plaintiff dan "*rule of law*".



52. Lanjutan daripada pembelaan justifikasi, ulasan saksama dan perlindungan bersyarat yang diplidkan diatas, Defendan juga menegaskan bahawa Defendan hanyalah menjalankan tanggungjawab dan hak asasi Defendan untuk menyuburkan kebebasan bersuara yang dijamin dibawah Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana juga Plaintiff yang bukan sahaja mengkritik, bahkan membuat tuduhan-tuduhan keras ke atas parti lawan sebelum ini.
53. Oleh yang demikian, Kenyataan Temuramah tersebut yang memberi sudut pandang berbeza dan kritikan ke atas Plaintiff bersandarkan kepada fakta dan rekod yang benar berkaitan Plaintiff tidak seharusnya disekat dan dikenakan tindakan undang-undang.
54. Melainkan perkara-perkara yang telah diakui secara tersurat, Defendan menafikan setiap dan segala dakwaan di dalam Pernyataan Tuntutan seperti yang dinyatakan di atas dan dinafikan secara khusus seolah-olah ianya dinafikan satu persatu.
55. Berdasarkan pengataan-pengataan di atas, Defendan memohon agar tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos.

Bertarikh pada 3 haribulan April, 2023.



Peguamcara Defendan
Tetuan Tengku Amalip & Faizi



PERNYATAAN PEMBELAAN ini difaikkan oleh Tetuan **TENGKU AMALIN & FAIZI**, Peguamcara Defendan yang beralamat di 17-4-2, Block A, Jalan Semarak Api 1, Diamond Square, Off Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur.

No. Tel: 03-4022 0184 / 185 / 186

No. Faks: 03-4032 0181

Emel: tafawar@gmail.com

[Ruj. Kami: TAF/WR/L.198-23]



S/N WxWnNfrjxEKyoEturCTKAg

72

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal